



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpcb.gov.my](http://www.kwpcb.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **RIANG MESRA BERSAMA KANAK-KANAK ISTIMEWA WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA, 24 April 2012** – YBhg. Datin Nafesah Raja Nong Chik, isteri Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, merangkap wakil BAKTI Wilayah Persekutuan bersama-sama warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyertai Program Riang Mesra Warga Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi meraikan warga PDK dengan pelbagai aktiviti.

2. Program ini adalah salah satu program Semai Bakti yang diadakan bertujuan untuk menghasilkan satu platform berpasukan yang erat dalam semangat kekeluargaan serta kerjasama antara semua pelatih dan penyelia PDK demi mewujudkan satu golongan yang berdikari dalam sebuah masyarakat yang harmoni dan progresif. Program ini juga merupakan julung kalinya diadakan yang melibatkan warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

3. Objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Memanifestasikan rasa prihatin dan penyayang kepada seluruh masyarakat termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU);
- 3.2 Memberikan ruang kepada pelatih dan petugas untuk melakukan program bersama Semai Bakti untuk saling kenal-mengenal dan mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan pelatih, petugas dan Semai Bakti;
- 3.3 Menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti santai dan sihat yang dijalankan; dan
- 3.4 Mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan di kalangan pelatih dan mengenali lebih rapat lagi kebudayaan pelatih OKU.

4. Seramai 200 orang pelatih PDK dari semua PDK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menyertai program ini bersama-sama 50 orang sukarelawan Semai Bakti yang terdiri daripada warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Aktiviti yang telah diprogramkan untuk pelatih-pelatih PDK bagi program ini adalah seperti pertandingan mewarna, pertandingan *puzzle*, meniup dan memecahkan belon, *sand art*, *face painting*, *games in castle* serta beberapa aktiviti sukaneka. Peserta juga dihiburkan dengan persembahan '*magic show*'.

5. Pelaksanaan program seperti ini menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan khususnya warga KWPKB terhadap golongan OKU manakala bagi pihak OKU itu sendiri mereka rasa lebih dihargai dan dihormati oleh masyarakat sekeliling serta meningkatkan keyakinan mereka untuk meneruskan kehidupan pada masa hadapan, seterusnya menyumbang kepada keharmonian negara untuk jangka masa panjang. Selain itu juga, melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat meningkatkan kreativiti para pelatih yang terlibat dan menyerlahkan potensi diri dalam proses pembelajaran yang sedang dilalui oleh mereka. Pihak kementerian juga bercadang untuk melaksanakan aktiviti seperti ini secara tahunan pada masa-masa akan datang.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

24 April 2012

PUTRAJAYA

## **PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI**

Program ini diwujudkan sebagai program alternatif kepada perkhidmatan pemulihan di institusi. Satu kaedah dalam pembangunan komuniti untuk golongan orang kurang upaya (OKU) menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri di mana memberi peluang kepada OKU menjalani pemulihan, mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat.

Program ini memerlukan penyertaan dan penglibatan aktif OKU, ibu bapa/keluarga/penjaga dan masyarakat setempat dengan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan yang sedia ada dalam komuniti. PDK juga merupakan satu pendekatan pembangunan ke arah sokongan dan kesedaran masyarakat dalam membantu OKU untuk mengecapi taraf hidup yang lebih selesa.

Program ini bukan sahaja “cost-effective” tetapi juga dapat memberi liputan yang lebih luas kepada lebih ramai orang kurang upaya. Di samping itu, ianya juga dapat mengeratkan hubungan keluarga di mana orang kurang upaya tidak perlu dipisahkan dari keluarga dan masyarakat mereka semasa menjalani pemulihan. Selain itu, ibu bapa/keluarga/penjaga dan masyarakat dapat didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran berkaitan kaedah pemulihan.

Terdapat 9 buah PDK di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memberi manfaat kepada orang kurang upaya.

<b>BIL</b>	<b>PDK</b>	<b>NAMA PENYELIA</b>	<b>ALAMAT</b>
1	PDK PETALING	AZMAH BINTI NORDIN	PDK PETALING NO29 JALAN2/151A TAMAN SURIA BT 6 ½ JLN PUCHONG KUALA LUMPUR TEL:03-77836358
2	PDK SAN PENG	MALIA BINTI LONG	PDK SAN PENG NO 22-B KOMPLEKS SERI SELALNGOR TKT 2 JLN SAN PENG 55200 KUALA LUMPUR TEL:03-992210630
3	PDK KIU	AZLIANA BINTI ALI	PDK KIU NO 7 JALAN WIRAWARI 8 TAMAN MALURI 55100 KUALA LUMPUR TEL:03-92815011
4	PDK LEMBAH PANTAI	SHARIFAH UMAIMAH BINTI ABDULLAH	PDK LEMBAH PANTAI NO 31 & 32 JALAN PANTAI PERMAI 3 LEMBAH PANTAI 59200 KUALA LUMPUR TEL: 03-22409236

5	PDK AL MAWADDAH	NORIZAN BINTI ABDULLAH	PDK AL MAWADDAH KEM MARKAS MEDAN TENTERA DARAT KEM SG BESI 57000 KUALA LUMPUR TEL:03-90867200
6	PDK 4 DIVISYEN	SYARIFAH ANUM BINTI SYED ABD HADI	PDK KEM WARDIEBURN 4 DIVISION KEM WARDIEBURN 53300 KUALA LUMPUR TEL: 03-90867200
7	PDK TITIWANGSA	NO'RAINI BINTI MOHAMMED	PDK TITIWANGSA NO 157 JALAN PERTIWI TAMAN MALURI 55100 KUALA LUMPUR
8	PDK PERMATA	HERESURIATI BINTI KAMARUDDIN	PDK PERMATA MAB KOMPLEKS MAB JLN TEBING OFF JALAN TUN SAMBANTHAN 50470 KUALA LUMPUR TEL:03-22722672 TEL:22722677 TEL:22722679 FAX:03-22722676
9	PDK PUTRAJAYA	TIADA	PDK PUTRAJAYA BLOK E,NO 2, JALAN P 14, PRESINT 14,62050,PUTRAJAYA. TEL : 03-88903717 FAX : 03-88903717